

Padankan sumber sejarah yang berikut dengan ciri-ciri dan contohnya yang betul. **TP2** Buku Teks m.s. 8

Ciri-ciri	Sumber sejarah	Contoh
Sumber yang telah diolah dan diterbitkan	Sumber primer	<i>The World Encyclopedia</i>
Sumber yang belum diolah atau diterbitkan		Risalah Sejarah Malaysia
Bahan tersebar kepada umum	Sumber sekunder	Batu bersurat
Bersifat asli		Rakaman temu bual

Berdasarkan rajah berikut, lengkapkan ruangan kosong dengan jawapan yang betul.

TP 3

Buku Teks m.s. 10 – 13

TUTOR PENYELESAIAN 1 SEJ003

Kaedah Penyelidikan Sejarah

(a) _____	(b) Kaedah bertulis	(c) _____
Proses mendapatkan maklumat melalui temu bual dengan _____.	Kajian terhadap sesuatu peristiwa daripada maklumat pada sumber yang _____ atau _____.	Kaedah saintifik untuk mencari maklumat sejarah daripada bahan tinggalan sejarah melalui kaedah _____ atau _____.
Contoh: • Rakaman temu bual	Contoh:	Contoh:



Kuiz

1 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul tentang dunia kita. **Buku Teks m.s. 26 – 29**

(a) Bumi pada hari ini telah melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk fizikal, iklim, cuaca, hidupan yang ada dan kemasinan air laut	☐
(b) Iklim telah mempengaruhi perubahan bentuk fizikal bumi menjadi daratan dan lautan	☐
(c) Daratan terdiri daripada gunung, banjaran dan bukit, tanah pamah, lembah dan sungai manakala lautan pula terdiri daripada laut, selat dan teluk	☐
(d) Secara keseluruhannya, 71 peratus bentuk muka bumi terdiri daripada daratan	☐

2 Isikan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul tentang Zaman Air Batu. **TP 1 Buku Teks m.s. 30**

kecairan

terpenting

menurun

tebal

- (a) Zaman Air Batu merupakan zaman _____ yang telah memberi kesan kepada perubahan bentuk fizikal bumi seperti yang ada pada hari ini.
- (b) Zaman Air Batu ialah garis masa geologi yang menunjukkan suhu bumi _____.
- (c) Bahagian Kutub Utara dan Kutub Selatan diliputi oleh air batu _____ yang dikenali sebagai lapisan ais.
- (d) Pada akhir Zaman Air Batu, bumi mengalami _____ air batu.

3 Padankan tahap Zaman Air Batu berikut dengan penerangannya yang betul. **TP 2 Buku Teks m.s. 30 – 31**

Zaman Pliosen	•	• Pada zaman ini, gunung-ganang telah terbentuk secara fizikal dan mamalia telah wujud di bumi serta hidupan di laut dan di air mula mengalami perkembangan. Suhu bumi panas dan kering.
Zaman Holosen	•	• Pada zaman ini, berlakunya penyejukan dan pengeringan global yang menyumbang kepada penyebaran besar padang rumput dan savana. Jambatan darat dan dataran tinggi yang terbentuk, mendorong penghijrahan hidupan ke habitat baharu.
Zaman Miosen	•	• Pada zaman ini, glasier utama kerap berlaku. Manusia zaman ini telah pandai membuat api dan dipercayai telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda).
Zaman Pleistosen	•	• Pada zaman ini, berlakunya kemajuan dalam kehidupan manusia. Manusia telah mengetahui cara mendapatkan makanan melalui aktiviti pertanian. Tamadun manusia mula berkembang dalam bidang keagamaan, pendidikan, pentadbiran dan undang-undang.

3.1 Maksud Zaman Prasejarah **SP 3.1.1**

1 Tandakan (✓) pada maksud Zaman Prasejarah yang betul. **TP 1** Buku Teks m.s. 46

Zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal lukisan

Zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan

2 Lengkapkan rajah di bawah mengenai pengelasan Zaman Prasejarah. **TP 2** Buku Teks m.s. 46 – 47

TUTOR PENGAJARAN 15EJ019



Kuiz

Zaman Prasejarah

(a) Zaman Batu

- Menggunakan teknologi _____ dalam kehidupan harian.
- Terdapat tiga tahap Zaman Batu, iaitu Zaman _____ (Zaman Batu Lama), _____ (Zaman Batu Pertengahan) dan _____ (Zaman Batu Baru).

(b) Zaman Logam

- Menggunakan teknologi _____ dan _____ dalam kehidupan harian.
- Manusia sudah mula melakukan aktiviti _____, pertanian, _____ barangan dan peralatan berasaskan gangsa.

3 Kenal pasti Zaman Prasejarah yang terlibat berdasarkan penerangan yang diberikan.

TP 1 Buku Teks m.s. 46 – 47

Zaman Logam

Zaman Paleolitik

Zaman Neolitik

Zaman Mesolitik

Manusia pada zaman ini menggunakan peralatan yang diperbuat daripada batu dan tulang binatang dalam aktiviti harian mereka

Wujud kawasan petempatan yang mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, membuat tembikar dan memelihara binatang

Kewujudan peralatan besi seperti kapak, tulang mawas, beliung dan mata lembing untuk menjalankan aktiviti harian

Manusia pada zaman ini bukan sahaja memburu binatang tetapi menangkap ikan sebagai sumber makanan mereka

3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah **SP 3.1.3**

1 Lengkapkan jadual perbandingan mengenai tempat kediaman manusia pada Zaman Prasejarah.

TP 2 Buku Teks m.s. 52

Zaman Paleolitik	Zaman Mesolitik	Zaman Neolitik	Zaman Logam
• Tumpuan utama petempatan ialah _____ dan lubang _____ • Berlindung di bawah pokok yang diperbuat daripada _____.	• Masih mendiami _____ dan lubang _____ serta tempat berlindung yang diperbuat daripada ranting kayu. • Menjadikan pinggir _____ dan _____ sebagai tumpuan petempatan untuk memudahkan mereka mendapatkan bekalan air dan makanan.	• Tinggal secara _____ di kawasan petempatan terutama di lembah sungai dan pesisiran pantai. • Membina rumah yang diperbuat daripada _____, _____ dan kayu.	• Menetap dan _____ tempat kediaman menggunakan batu, tanah liat dan kayu serta lebih tersusun. • Mereka juga tinggal di kawasan _____ selain lembah sungai dan pesisiran pantai.

3 Tandakan (✓) pada penerangan yang betul tentang cara pengumpulan makanan manusia pada Zaman Prasejarah. **TP 2 Buku Teks m.s. 54**

(a) Kegiatan ekonomi manusia Zaman Paleolitik bergantung sepenuhnya kepada

☐ pengumpulan hasil hutan dan memburu binatang

☐ pengumpulan hasil hutan dan bercucuk tanam

(b) Selain mengumpul hasil hutan, manusia Zaman Mesolitik juga turut

☐ menternak kerang dan siput di pinggir sungai dan laut

☐ mengumpul kerang dan siput yang ditemui di pinggir sungai dan laut

(c) Aktiviti pengumpulan makanan pada Zaman Neolitik semakin berkurangan apabila mereka mula

☐ menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan

☐ bergiat dalam bidang perdagangan

(d) Manusia pada Zaman Logam sudah mempunyai bekalan makanan yang mencukupi melalui aktiviti

☐ pengumpulan hasil hutan, penternakan dan perdagangan tukar barang

☐ pertanian, penternakan dan perdagangan tukar barang

4 Padankan Zaman Prasejarah berikut dengan kegiatan ekonominya yang betul. **TP 2 Buku Teks m.s. 55**

Zaman Paleolitik ▶

- Menghasilkan makanan melalui kegiatan pertanian dan penternakan
- Menggunakan sistem barter dan pengkhususan kerja bermula

Zaman Mesolitik ▶

- Aktiviti utama adalah pertanian, penternakan dan perdagangan pertukaran barang
- Aktiviti pembuatan dan pertukangan turut berkembang

Zaman Neolitik ▶

- Bergantung sepenuhnya pada sumber alam semula jadi
- Hidup secara nomad
- Ekonomi bersifat sara diri

Zaman Logam ▶

- Masih mengutip hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan
- Perkongsian makanan masih berlaku